

PROFIL

- **NAMA:** Dr. Zulkifli bin Mohamad
- **NAMA PENA:** Zulkifli Mohamad Al-Bakri
- **UMUR:** 42 Tahun
- **ASAL:** Kuala Terengganu, Terengganu
- **TARIKH LAHIR:** 16 Januari 1969
- **PEKERJAAN:** Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- **PENDIDIKAN:** 2002-2004: Doktor Falsafah (PhD), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang  
1994-1997: Sarjana Syariah, Universiti Ulum Islamiyyah Syria  
1989-1993: Sarjana Muda Syariah, Universiti Islam Madinah
- **KEPAKARAN:** Fiqh dan Usul, Fatwa

# "Membimbing Umat Tugas Utama Ulama"

- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri

Ulama adalah pewaris para Nabi. Tugas yang dipikul amat besar, menjadi obor yang menerangi ummat. Namun, apabila ulama masuk gelanggang politik ada ketika golongan ini seolah-olah dimiliki oleh golongan tertentu sahaja.

Bagaimana ulama seharusnya berperanan? Wartawan Majalah I, NOR ASHIKIN MOHAMAD MOHAJIR cuba membahaskan hal ini dengan Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

### Apakah tanggungjawab utama para ulama ini?

Tanggungjawab ulama ini cukup mudah. Apabila disebut 'ulama pewaris nabi', maka kita akan faham bahawa tugasnya juga sama seperti nabi. Seseorang bergelar ulama itu perlulah menyeru masyarakat kepada melakukan perkara baik dan mencegah kemungkaran. Malah yang lebih besar daripada itu adalah dengan mengilmukan, mengajar dan mengakhilkan masyarakat. Ini merupakan tanggungjawab ulama secara umumnya. Kemudian, ulama ini merupakan penasihat kepada para pemerintah. Bahkan ini merupakan tanggungjawab yang sangat penting. Sebagaimana ungkapan sebaik-baik pemerintah ialah pemerintah yang berpamping dengan ulama dan mendengar buah fikiran ulama. Ini juga berlaku kepada tokoh-tokoh besar seperti Muhammad Al-Fateh. Kehebatan dan kemenangan beliau dalam pembukaan Kota Constantinople disebabkan dengan mendapat guru yang baik yang dapat mengajar dan mendidiknya sehingga beliau berjaya. Jadi, memberi nasihat, buah fikiran yang baik dan tunjuk ajar sangat penting.

Ulama mempunyai hak untuk menasihati para pemerintah. Selain itu, ulama sepatutnya menjadi model kepada ummah termasuk tingkah laku, cara bergaul, melontarkan idea dan memimpin masyarakat. Minda ummah ini perlu dibangunkan dan dipimpin berasaskan panduan al-Quran dan Hadis. Apa yang saya lihat sekarang, tidak ramai ulama yang mempunyai pemikiran yang besar dan bijak memimpin ummah.

### Adakah terdapat perbezaan peranan ulama dahulu dan sekarang?

Kita tidak nafikan bahawa zaman pasti akan berubah. Apabila kita bercakap mengenai ulama pada zaman dahulu, pasti dari segi akhlakanya dan


kesungguhannya dalam ibadahnya jauh lebih baik daripada sekarang. Dunia sekarang semakin lama semakin berbeza dari segi sistem keilmuan. Ilmu teknologi terus berkembang dan maju. Akan tetapi, ilmu Islam nampak sebaliknya. Adakah ini pertanda bahawa Islam itu bermula asing dan akan berakhir dengan asing, maka berbahagialah orang-orang yang sifatnya asing.

Kesungguhan ulama silam sangat luar biasa. Misalnya dalam berdakwah, mereka terpaksa berjalan kaki dari satu tempat ke satu tempat untuk menyampaikan dakwah. Berbeza kini para ulama mendapat kemudahan untuk bergerak dengan pelbagai jenis kenderaan. Kalau dahulu, ulama menyampaikan sesuatu hanya dengan lisan sahaja tetapi kini para ulama mempunyai pelbagai cara dan kemudahan seperti melalui pita rakaman, internet, capaian sistem pesanan rigkas dan banyak lagi untuk berdakwah. Bermakna kini dakwah sepatutnya jauh lebih maju kerana banyak kemudahan yang boleh digunakan jadi saluran. Akan tetapi, umat Islam masih lagi terkebelakang hingga hari ini.

### Keyakinan orang ramai terhadap peranan ulama nampak semakin terhakis sehingga timbul pelbagai gelaran buruk terhadap ulama seperti ulama terompah kayu dan macam-macam lagi. Apa yang harus dilakukan oleh golongan ulama' ini dalam mengatasi permasalahan ini?

Terdapat dua cabaran besar yang perlu diatasi para ulama. Pertama, meningkatkan kefahaman masyarakat dan kedua membetulkan hal dalaman ulama itu sendiri.

Kehidupan masyarakat hari ini terlalu dipengaruhi oleh kebendaan sehingga bersikap materialistik, pemikiran yang songsang dan juga dilanda kejahilan. Tidak hairan mudah timbul sikap



DR. ZULKIFLI MOHAMAD

memperlekeh kewibaaan ulama kerana mereka tidak mengenal nilainya seorang ulama itu. Sebenarnya, keadaan sebegini berlaku di mana-mana sahaja. Di negara Arab sendiri, ramai dikalangan tokoh-tokoh ulama hebat dipermalukan dan dihina seperti yang dialami oleh Sheikh Al-Azhar, Sheikh Muhammad Al-Ghazali. Bahkan ada juga yang mengatakan bahawa fatwa-fatwa ulama ini kuno, lapuk dan menyalahei kemajuan sains.

Pada saya sikap ini muncul disebabkan tiga perkara. Pertama, kejahilan masyarakat sehingga mereka tanpa segan silu mentohmah dan memperkecilkan para ulama. Kedua, wujudnya budaya asabiyah atau taasub dengan puak-puak tertentu sehingga mereka suka menentang dan memperkecilkan pihak yang tidak sealign dengannya. Ketiga, sikap tegas ulama yang tidak disukai pihak tertentu. Apabila ulama mengeluarkan pandangan yang tidak selari dengan kehendak pihak tertentu, pihak tersebut mula melontarkan pelbagai tohmahan, sindiran, menyinggung dan menyanggah para ulama.

### Apa yang ustaz maksud faktor dalaman ulama tersebut?

Saya tidak nafikan terdapat segelintir ulama yang bermasalah yang mendedahkan dirinya untuk dihina, atau diperkotak-katikkan. Disebabkan tidak

menjaga ilmu dan maruahnya, maka terbuka ruang dirinya dilontar dengan pelbagai tuduhan. Sebagaimana yang berlaku dalam sejarah, apabila seseorang ulama itu tidak berakhlak yang sebetulnya, maka hilanglah jati dirinya sebagai seorang ulama. Selain itu, kerana terlalu tamakkan kepada dunia, mereka sanggup menggadaikan prinsipnya sebagai ulama. Kadangkala, dia akan menggunakan jawatan sebagai jalan untuk mengaut keuntungan yang sementara. Sedangkan Allah SWT mengingatkan kita dalam firman-Nya dalam al-Quran yang bermaksud, 'Dan janganlah kamu jual ayat-ayatKu dengan harga yang murah.'

Punca ulama jadi seperti ini adalah kerana lari dari tanggungjawab menjadi pewaris Nabi dalam menegakkan amar

makruf dan nahi mungkar.

**Pada hemat ustaz apa cara meyakinkan masyarakat agar menjadikan ulama rujukan yang perlu diikuti?**

Terdapat dua kumpulan masyarakat, masyarakat yang baik dan masyarakat yang tidak baik. Masyarakat yang tidak baik memang suka kepada golongan ulama yang menggadai prinsip. Orang yang tidak mempunyai prinsip merupakan orang yang tidak akan dihormati. Namun, bagi mereka yang sentiasa berpegang pada kebenaran, mereka akan terus memberi penghormatan kepada ulama yang teguh dengan prinsipnya. Saya masih melihat ramai kumpulan ulama yang tegas dengan prinsipnya hari ini.

**Apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan untuk memartabatkan peranan ulama?**

Peranan pemerintah sangat penting. Di Malaysia ulama mempunyai institusi yang dengan sendirinya golongan ini dimartabatkan. Selain mereka dilantik menjadi mufti, malah di kalangan mereka ada yang dilantik menjadi senator untuk menyertai barisan pentadbiran kerajaan.

Usaha untuk melahirkan ulama yang berwibawa mesti dilakukan sejak awal, malah sejak dibangku sekolah lagi. Saya menyokong usaha penubuhan JQAF, usaha memartabatkan ilmu agama di kalangan pelajar, demi melahirkan barisan pelapis ulama pada masa akan datang.

Selain itu, ibu bapa perlu diberi pendedahan tentang penting melahirkan para ulama pewaris nabi. Zaman sekarang ramai ibubapa bercita-cita supaya anak-anak mereka atau ahli keluarganya menjadi tokoh profesional yang hebat seperti doktor, jurutera, peguam dan sebagainya. Kenapa tidak dimasukkan dalam impian keluarga untuk melahirkan

setiap rumah mempunyai seorang ulama atau tokoh agama sekurang-kurangnya. Maka, jika ada konsep seperti itu, saya yakin para ulama akan sentiasa dimulikan. Insya Allah.

**Bagaimana pula dengan ulama yang melibatkan diri dalam bidang politik sehingga ada yang keliru penyertaan mereka untuk dakwah atau parti?**

Jika kita singkap sejarah Islam, ramai tokoh-tokoh yang hebat yang memegang jawatan yang hebat-hebat dalam kerajaan. Seperti contoh, Abu Bakar As-Siddiq dan Umar Al-Khattab, menjadi ketua negara. Akan tetapi ada jenis ulama yang tidak berminat menceburkan diri dalam bidang politik. Kita mesti hormat pendirian mereka seperti itu, jika menceburkan diri juga mungkin ia tidak bertanggungjawab dengan amanah kepimpinan. Saya tidak mahu mengatakan ulama haram terlibat dalam politik kerana dalam Islam tiada pemisahan antara agama dan politik. Bahkan politik itu bahagian daripada cara kehidupan Islam.

Bagaimanapun sekiranya seseorang ulama itu ingin terjun dalam dunia politik, maka ada batas-batas yang perlu dijauhi. Dalam hal ini kita boleh rujuk buku-buku tokoh Islam terkemuka terdahulu seperti Al-Mawardi dalam kitabnya Al-Ahkam Al-Sultaniyyah dan juga beberapa tokoh-tokoh Islam yang menghasilkan karya berkaitan dengan hal-hal politik Islam.

**Nasihat ustaz kepada mereka yang bercita-cita untuk mendalami bidang agama Islam dan ingin menjadi pewaris tugas nabi ini?**

Sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada kita iaitu kita perlu berpegang kepada budaya iqrak atau sentiasa berusaha mencari ilmu sebanyak mungkin. Seorang ulama mesti bersikap suka membaca, mengkaji, mentelaah dan mendalami sesuatu ilmu secara berterusan dan sepanjang masa. Seperti contoh guru saya, Dr Wahbah Al-Zuhaili. Walaupun umurnya hampir mencecah 80 tahun, tetapi beliau menjadikan budaya membaca rutin kehidupan hariannya. Secara puratanya, beliau akan membaca tidak kurang daripada 16 jam sehari. Ini menunjukkan betapa ilmu itu tiada batasan dan had walupun beliau merupakan antara ulama Islam terbaik di dunia hari ini. 